

11 JUL 1998

Komanwel-Kompleks

PERASMIAN GEMILANG KOMPLEKS SUKAN NASIONAL

KUALA LUMPUR, 11 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan Kompleks Sukan Nasional di Bukit Jalil di sini dalam satu majlis gilang gemilang malam ini, sekaligus menempatkan Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai kemudahan sukan bertaraf dunia serta mampu menjadi tuan rumah Sukan Olimpik.

Dalam masa dua bulan lagi, kompleks yang menelan belanja RM800 juta itu akan menjadi gelanggang utama kepada Sukan Komanwel ke-16 dari 11 Sept hingga 21 Sept, yang akan dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan penutupannya oleh Ratu Elizabeth.

Upacara bersejarah malam ini yang disiarkan secara langsung oleh RTM diadakan di stadium utama yang mampu menampung 100,000 penonton dan dinamakan secara rasmi oleh Perdana Menteri, Stadium Nasional.

Dr Mahathir juga menamakan kemudahan-kemudahan lain di kompleks itu, Stadium Hoki Nasional, Pusat Akuatik Nasional, Pusat Skuasy Nasional dan stadium tertutup yang dilawatinya kemudian, Stadium Putra.

Stadium tertutup dan pusat boling padang di Kompleks Sukan Bukit Kiara kini dikenali sebagai Stadium Juara dan Pusat Boling Padang Nasional.

Selepas menyaksikan konsert pop yang memaparkan barisan artis tempatan diketuai ratu rock Ella dan penyanyi Hindi Sudesh Bhosle dari India, Dr Mahathir menandatangani sebuah plak di pangkal ukiran "keris" di luar stadium utama bagi memperingati majlis itu.

Sebelum itu, Perdana Menteri merasmikan perkhidmatan transit aliran ringan STAR dari bandar raya ke Bukit Jalil, yang menjadi nadi pengangkutan untuk membawa beribu-ribu peminat sukan menyaksikan Sukan Komanwel.

Hadir sama di majlis itu Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail dan Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin serta menteri-menteri kabinet.

Kompleks Bukit Jalil itu, 20 km ke selatan ibu negara, melambangkan era baru dalam arena sukan Malaysia. Selepas 25 tahun, kompleks yang diilhamkan Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak pada tahun 1973, kini akhirnya menjadi satu kenyataan.

Para penonton tiba sejak awal lagi dan dihiburkan dengan konsert yang bermula pada 5 petang.

Dr Mahathir tiba di kompleks itu dengan menaiki LRT dari stesen Jalan Sultan Ismail. Beliau mengambil alih tempat pemandu pada pertengahan perjalanan dan kemudian dibawa dari stesen Negara, Bukit Jalil ke pintu utama stadium dengan sebuah teksi Petronas yang menggunakan gas asli.

Setelah Perdana Menteri memasuki stadium, ratu boling Shalin Zulkifli dengan diiringi lapan atlit lain negara mara ke pentas tetamu khas dengan membawa obor. Lapan atlit lain itu ialah pemain boling padang Nor Hashimah Ismail dan Mohd Effendy Tan Abdullah, pemain bola jaring Siti Afizah Mohd Noh dan Wong Mee Yee, pemain boling Ben Heng, juara lompat jauh Mohd Zaki Sadri, pelumba jalan kaki Anastasia Karen Anne Raj dan jaguh angkat berat Mohamed Hidayat.

Dr Mahathir menerima obor daripada Shalin dan menyalakan kawah yang dibina khas di hadapan pentas tetamu khas.

Perisytiharan perasmian stadium itu disambut oleh gema pukulan rebana ubi dan pada masa yang sama 20,000 belon dilepaskan dan cahaya laser bermain-main di dalam stadium.

Di pentas di tengah-tengah stadium, Ella menyanyikan versi Melayu lagu

"Standing in the Eyes of the World".

Lagu itu dicipta khas untuk majlis itu oleh komposer tempatan Wah Idris dan bekas anggota kumpulan Barat yang terkemuka Bread, David Gates, sebagai penghargaan kepada Dr Mahathir dan pemimpin lain negara yang membawa Malaysia ke pentas dunia.

Dr Mahathir juga dihadiahkan gubahan muzik lagu itu serta replika kunci stadium utama.

Selama sejam kemudian, Dr Mahathir menyertai hadirin lain menyaksikan konsert pop itu.

Artis popular lain yang memeriahkan majlis perasmian itu termasuk Siti Nurhaliza, Ziana Zain, M.Nasir, Nora, Camellia, Erra Fazira, Amy, Awie, Jay Jay dan kumpulan Innuendo dan kumpulan nasyid Raihan.

-- BERNAMA

SBJ MAI